



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**PERATURAN 7 (a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI  
DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN PERKHIDMATAN  
AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MERINYU HAL EHWAL UGAMA (D.2-3 EB.4)  
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UGAMA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 15 MAC 2023  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 29 MAC 2023  
BILANGAN IKLAN: 2023/MAR/04**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERINYU HAL EHWAL UGAMA  
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UGAMA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
D.2-3 EB.4 (\$650 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Lulus Peperiksaan Sekolah Ugama Darjah Enam (VI) [Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU)].
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menyediakan keterangan dokumen bagi setiap kertas siasatan;
2. Memasukkan data ke dalam sistem rekod bagi kes yang sabit dibicarakan;
3. Membuat tapisan kesalahan Jenayah Syariah bagi permohonan pelbagai agensi;
4. Mengendalikan barang rampasan;
5. Menerima aduan seterusnya membuka fail aduan;



6. Merekod keterangan tertuduh atau saksi;
7. Menerima *First Information Report (FIR)*;
8. Menghantar surat panggilan di dalam dan luar daerah;
9. Mengendalikan pesalah dalam peringkat siasatan dan juga peringkat pendakwaan seperti pengambilan (*DNA*), membawa ke tahanan atau penjara dan membawa ke Mahkamah Syariah;
10. Berperanan di dalam rondaan dan juga operasi;
11. Menjadi saksi-saksi bagi pengambilan keterangan pesalah;
12. Menjadi penyambut tetamu di kaunter *Charge Room Officer (CRO)* mengikut *shift* yang ditetapkan; dan
13. Menerima arahan dari semasa ke semasa.